

DATE: 6 / 6 / 2008



ABDULLAH Ahmad Badawi bergambar bersama ahli Majlis Tertinggi UMNO di Shah Alam, semalam.

um - 6/6/2008

MT UMNO berkumpul bincang hala tuju

SHAH ALAM 5 Jun - Program pemukiman Majlis Tertinggi (MT) UMNO bermula di sini hari ini sehingga esok bertujuan membincangkan hala tuju politik selain mencari jalan penyelesaian terhadap permasalahan yang wujud dalam parti itu setelah prestasi buruk pada pilihan raya umum 8 Mac lalu.

Ini merupakan julung kali program pemukiman disertai oleh kesemua 52 ahli

MT kerana sebelum ini penganjuran acara seumpama itu hanya untuk ketua-ketua perhubungan UMNO negeri dan ahli Parlimen Barisan Nasional.

Program tersebut dimulakan dengan amanat Perdana Menteri yang juga Presiden UMNO, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Turut menyampaikan amanat ialah Timbalan Perdana Menteri yang juga Tim-

balan Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Setiausaha Agung parti, Datuk Seri Tengku Adnan Mansor.

Para peserta kemudian dibahagikan kepada tiga kumpulan perbincangan, masing-masing dipengerusikan oleh Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam dan Tan Sri Muhyiddin Yassin serta Ketua Penerangan UMNO, Tan Sri Muhammad Muhd. Taib.

Dalam perbincangan berkumpul itu, setiap ahli mengemukakan pandangan secara terbuka mengenai strategi pemulihan yang perlu diambil selain menangani kekeliruan yang mungkin dihadapi oleh rakyat dan ahli parti.

Sesi perbincangan itu akan diteruskan esok dengan rumusan akhir oleh Najib.

Perdana Menteri dijadualkan menutup program tersebut.